

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**JTW 211 – PERAKAUNAN PENGURUSAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Keseluruhan soalan diperuntukkan 100 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

**SOALAN 1 (10 markah)**

Belanjawan ialah satu rancangan berbentuk kuantitatif yang menerangkan bagaimana sesuatu sumber diperoleh dan digunakan sepanjang tempoh belanjawan tertentu.

- (a) Apakah yang anda faham tentang belanjawan boleh ubah? (5 markah)  
 (b) Apakah asas-asas penyediaan belanjawan boleh ubah? (5 markah)

**SOALAN 2 (15 markah)**

Anggaran permintaan untuk tahun hadapan ialah 2,500 unit. Maklumat lain adalah seperti berikut:

Kos inventori seunit	RM1.25
Kos pemesanan untuk setiap pesanan	RM5.00
Peratus kos simpanan inventori	13 peratus

- (a) Berapakah kuantiti pesanan ekonomi? (5 markah)  
 (b) Berapa kalikah pesanan harus dibuat pada tahun hadapan? (5 markah)  
 (c) Berapakah anggaran kos tahunan untuk tahun hadapan? (5 markah)

**SOALAN 3 (25 markah)**

Jabatan kos Syarikat Muhammad Adli Sdn. Bhd. membuat anggaran seperti berikut:

Overhed perkilangan	RM425,000
Kos bahan mentah	RM850,000
Unit pengeluaran	20,800 unit
Kos buruh	RM250,000
Jam buruh	106,250 jam

- (a) Tentukan kadar serapan overhed berdasarkan:
- (i) Kos buruh  
 (ii) Jam buruh  
 (iii) Kos bahan mentah  
 (iv) Unit pengeluaran  
 (v) Kos utama. (5 markah)

- (b) Tentukan overhead yang dikenakan berdasarkan kadar yang dikira di atas (a), jika maklumat yang diberikan seperti berikut:

Bahan mentah	RM12,000
Buruh langsung	RM3,300
Jam buruh	1,300 jam
Unit pengeluaran	270 unit

(20 markah)

**SOALAN 4 (20 markah)**

Syarikat Alia Sdn. Bhd. adalah pengeluar pakaian seragam sekolah. Syarikat sekarang mengatitkan beberapa strategi untuk menampung kenaikan kos akibat permintaan yang bermusim.

Maklumat kos adalah seperti berikut;

Harga Jualan RM15.00, Kos Pengeluaran dan Pentadbiran berubah RM5.00, Kos Tetap ialah RM75,000 sebulan.

**Dikehendaki:-**

- (a) Berapakah jumlah unit pada Titik Pulang Modal (TPM) untuk satu bulan?  
(2 markah)
- (b) Berapakah jumlah jualan yang harus dicapai pada tahap TPM untuk satu bulan?  
(2 markah)
- (c) Berapakah jumlah unit dan jualan (dalam RM) yang harus dicapai pada tahap TPM bagi setahun perniagaan?  
(4 markah)
- (d) Berapa banyak yang harus dikeluarkan sekiranya syarikat ingin keuntungan sebanyak RM25,000 sebulan?  
(4 markah)
- (e) Syarikat Alia Sdn Bhd. telah berjaya mendapat tender kerajaan dengan syarat syarikat mesti mengurangkan harga jualan sebanyak 20%. Berapakah TPM dalam bilangan unit dan jumlah jualan (dalam RM) yang harus dicapai?  
(4 markah)
- (f) Syarikat Alia Sdn Bhd. ingin mendapat keuntungan daripada tender kerajaan sebanyak RM10,000. Oleh itu berapa unit keluaran yang harus dikeluarkan?  
(4 markah)

**SOALAN 5 (30 markah)**

Syarikat Muhammad Adnin Sdn. Bhd. mengeluarkan kek lapis. Syarikat menggunakan sistem pengekosan piawai. Berikut merupakan kos piawai bagi setiap kek lapis:

Bahan langsung (3kg @ RM4.00)	RM12.00
Buruh langsung (0.8jam @ RM12.50)	RM10.00
Overhed berubah (0.8jam @ RM6.00)	RM 4.80
Overhed tetap (0.8 jam @ RM3.00)	RM 2.40

Maklumat berikut merupakan aktiviti sebenar syarikat sepanjang tahun:

1. Kos overhed tetap RM95,000 manakala kos overhed berubah RM250,000.
2. Pengeluaran kek lapis 50,000 unit.
3. 41,000 jam buruh langsung pada kos RM533,000 telah digunakan.
4. 130,000 kg bahan langsung dibeli pada harga RM3.70 sekilogram.
5. Inventori awal bahan langsung adalah sebanyak 25,000 kg pada kos RM4.00 sekilogram dan tiada inventori akhir bahan langsung ini.

Pengeluaran normal kek lapis 45,000 unit setahun. Kadar piawai overhed dikira berasaskan jam buruh langsung pada tahap aktiviti normal.

**Dikehendaki:**

- (a) Kirakan varians berikut:
- |   |            |
|---|------------|
| (i) Harga dan penggunaan bahan mentah.            | (5 markah) |
| (ii) Kadar dan kecekapan buruh langsung.          | (5 markah) |
| (iii) Perbelanjaan dan kecekapan overhed berubah. | (5 markah) |
| (iv) Belanjawan dan volum overhed tetap.          | (5 markah) |
- (b) Jelaskan istilah berikut:
- |                        |            |
|------------------------|------------|
| (i) Pengekosan piawai  | (5 markah) |
| (ii) Analisis varians. | (5 markah) |